

**PARLIMEN: KPT Belum Terima Laporan IPT Tempatan Terlibat Jual Ijazah Palsu
Bernama
17 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Kementerian Pengajian Tinggi belum menerima sebarang aduan mengenai penjualan ijazah palsu melibatkan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan yang berdaftar dengan kementerian, Dewan Rakyat diberitahu Rabu.

Timbalan menterinya Datuk Dr Hou Kok Chung berkata siasatan yang dijalankan kementerian berhubung kes seumpama itu yang dilaporkan media sebelum ini, mendapati ia dilakukan oleh sebuah syarikat swasta dan individu tertentu yang menjual ijazah daripada universiti luar negara.

"Kementerian sentiasa membuat pemantauan ke atas IPT awam dan swasta bagi memastikan tiada yang terlibat dalam kes penjualan ijazah palsu. Tindakan tegas akan diambil jika didapati terlibat dalam kesalahan ini," katanya pada sesi soal jawab di persidangan Dewan Rakyat, di sini.

Beliau menjawab soalan Datuk Johari Abdul (PKR-Sungai Petani) yang mahu tahu usaha kerajaan membanteras gejala menjual ijazah palsu di negara ini, dan sama ada kerajaan berhasrat menyiasat kesahihan ijazah yang dimiliki penjawat awam termasuk anggota Parlimen.

Hou berkata penjawat awam adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan, Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 di mana perkhidmatan mereka boleh ditamatkan jika didapati meminda atau memalsukan apa-apa dokumen berhubung dengan pelaksanaannya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702614>